



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 3/2010**

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

**ARAHAN PENAMBAHBAIKAN BAGI PENYEDIAAN LAPORAN PEMILIKAN
TANAH DI PENTADBIRAN TANAH NEGERI SEMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah berhubung prosedur urusan pelupusan tanah di seluruh Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan.

2. LATAR BELAKANG


- 2.1 Setiap permohonan pemilikan tanah kerajaan akan dibawa ke Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) untuk dipertimbangkan.
- 2.2 Maklumat yang disertakan sewaktu penyediaan Kertas Pertimbangan JKTD perlulah lengkap, termasuk maklumat pemilikan tanah oleh suami atau isteri pemohon.
- 2.3 Bagi memastikan maklumat yang diperolehi tepat, Pentadbir Tanah adalah disarankan untuk turut menyemak maklumat pemilikan tersebut dipejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan.
- 2.4 Maklumat yang tepat akan membantu JKTD membuat keputusan yang mana turut akan dijadikan sebagai panduan kepada Pengarah Tanah dan Galian dalam membuat pengesyoran.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Semua Pentadbir Tanah adalah disaran untuk mendapatkan maklumat pemilikan yang tepat bagi suami atau isteri pemohon daripada pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan terlebih dahulu sebelum mengemukakan kepada JKTD .

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.


(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 24 Mei 2010
Rujukan : (CA) dlm. PTG.NS 10/17

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)